



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 1, 6, dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(S)TT.71/12/1 Jld.6 (15)

Tarikh : 29 Mac 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**PENETAPAN HARTA DI BAWAH SUBPERATURAN 10(8)
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN
DAN TATATERTIB) 1993**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penetapan jenis-jenis harta bagi tujuan perisytiharan harta telah ditetapkan dalam Warta Kerajaan P.U.(B)559/1995 iaitu Penetapan Harta Di Bawah Subperaturan 10(6) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Di bawah P.U.(B)559/1995, "kenderaan bermotor" dikategorikan sebagai harta alih yang perlu diisytiharkan apabila **harga belian melebihi 6 bulan emolumen atau RM10,000.00 mengikut mana yang terendah.**

3. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan tahap integriti perkhidmatan awam, Kerajaan telah bersetuju supaya kenderaan bermotor dijadikan sebagai harta alih yang perlu diisytiharkan tanpa terikat dengan syarat harga belian atau nilai RM10,000.00 mengikut mana yang terendah. Bagi tujuan tersebut Kerajaan telah mengeluarkan penetapan harta yang baru melalui P.U.(B)104/2010 iaitu Penetapan Harta Di Bawah Sub Peraturan 10(8), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan


Tatatertib) 1993 yang berkuat kuasa pada **11 Mac 2010** dan membatalkan penetapan harta yang dibuat melalui P.U.(B)559/1995.

4. Dengan berkuat kuasanya P.U.(B)104/2010, semua pegawai awam adalah **diwajibkan** mengisytiharkan apa-apa jenis kenderaan bermotor kepada Ketua Jabatan masing-masing. Kegagalan pegawai awam mengisytiharkan kenderaan bermotor yang dimilikinya adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Salinan P.U.(B)104/2010 adalah seperti di **Lampiran**.

5. Selaku Ketua Jabatan pihak tuan adalah diingatkan supaya memastikan semua pegawai di bawah seliaan tuan mematuhi penetapan harta yang dibuat melalui P.U.(B)104/2010 dan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang gagal berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' DR. HJ. MOHD AZHAR BIN HJ. YAHAYA)
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 5

11hb Mac 2010

TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 98.

AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949

PEMBERIKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 2

PADA menjalankan kuasa di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120], Menteri Dalam Negeri memberikan kuasa kepada pegawai yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual untuk menandatangani semua kontrak bagi Jabatan di bawah tanggungjawabnya yang dinyatakan dalam ruang (2) bagi nilai kontrak yang dinyatakan dalam ruang (3).

Pembatalan

2. Pemberikuasaan yang disiarkan dalam P.U. (B) 256/2008 dan P.U. (B) 392/2009 dibatalkan.

GOVERNMENT CONTRACTS ACT 1949

AUTHORIZATION UNDER SECTION 2

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Government Contracts Act 1949 [Act 120], the Minister of Home Affairs authorizes the officers specified in column (1) of the Schedule to sign all contracts for the Department under his responsibility specified in column (2) for the value of contract specified in column (3).

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. Bandar—Kuala Lumpur. Plan No.—P.A. 123867. Lot No.—777. Section—94. Area—342 square metres.

Dated 17 February 2010
[PTG/WP: 11/125/08; PN(PU²)213/XLVIII]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of
Kuala Lumpur

P.U. (B) 104.**PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993****PENETAPAN HARTA DI BAWAH SUBPERATURAN 10(8)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperaturan 10(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*], Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menetapkan bahawa bagi maksud peraturan 10 Peraturan-Peraturan tersebut, "harta" sama ada di dalam atau di luar Malaysia ertinya—

- (a) berkenaan dengan harta tak alih—
- (i) tanah, termasuk tanah yang diduduki di bawah lesen pendudukan sementara;
 - (ii) segala jenis tempat kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium;
 - (iii) bangunan, termasuk rumah kedai atau ruang kedai, ruang pejabat atau warung; dan
- (b) berkenaan dengan harta alih—
- (i) apa-apa bentuk wang tunai di mana jua dideposit atau disimpan;
 - (ii) syer, saham, debentur, bon atau sekuriti lain;
 - (iii) apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial;
 - (iv) apa-apa jenis kenderaan bermotor;
 - (v) apa-apa harta alih yang lain termasuklah barang kemas, keahlian kelab, perabot rumah dan alat sukan, yang harga belian tiap-tiap satunya melebihi 6 bulan emolumen atau RM10,000.00, mengikut mana yang lebih rendah.

Pembatalan

2. Penetapan Harta Di Bawah Subperaturan 10(6) yang dibuat pada 8 November 1995 dan disiarkan dalam *Warta* dalam *P.U. (B) 559/1995* adalah dibatalkan.

Bertarikh 1 Mac 2010

[JPA.Sulit.TT. 71/12/1 Jld. 6/(12); PN(PU²)76/VIII]

TAN SRI ISMAIL ADAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

PUBLIC OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE)
REGULATIONS 1993

PRESCRIPTION OF PROPERTY UNDER SUBREGULATIONS 10(8)

IN exercise of the powers conferred by subregulation 10(8) of the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 [*P.U. (A) 395/1993*], the Director General of Public Service prescribes that for the purposes of regulation 10 of the said Regulations, "property" whether in or outside Malaysia means—

(a) in respect of immovable property—

- (i) land, including land occupied under temporary occupation license;
- (ii) all types of residences such as house, flat, apartment or condominium;
- (iii) building, including a shop or portion of a shop, office space or stall; and

(b) in respect of movable property—

- (i) any form of cash wherever deposited or kept;
- (ii) shares, stocks, debentures, bonds or other security;
- (iii) any form of trade, business or commercial license or permit;
- (iv) any type of motor vehicle;
- (v) any other movable property, including all types of jewelry, club membership, household furniture and sports equipment, the purchase price of each item of which exceeds 6 months' emoluments or RM10,000.00 whichever is the lesser.

Revocation

2. The Prescription of Property Under Subregulation 10(6) made on 8 November 1995 and published in the *Gazette* in *P.U. (B) 559/1995* is revoked.

Dated 1 March 2010

[JPA.Sulit.TT. 71/12/1 Jld. 6/(12); PN(PU²)76/VIII]

TAN SRI ISMAIL ADAM
Director General Public Service Malaysia

P.U. (B) 105.

AKTA SURUHANJAYA TENAGA (PINDAAN) 2010

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2010 [*Akta A1371*], Menteri menetapkan 15 Mac 2010 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 9 Mac 2010

[KeTTHA: BP(S) 353/214/6/1 klt. 5; PN(U²)2627]

DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

ENERGY COMMISSION (AMENDMENT) ACT 2010

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Energy Commission (Amendment) Act 2010 [*Act A1371*], the Minister appoints 15 March 2010 as the date on which the Act comes into operation.

Dated 9 March 2010

[KeTTHA: BP(S) 353/214/6/1 klt. 5; PN(U²)2627]

DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI
Minister of Energy, Green Technology and Water

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA